

Parlimen: Pindaan Akta Kesalahan Pilihan Raya Diluluskan Setelah Dibahas Lebih Tujuh Jam
Bernama
19 April , 2012

KUALA LUMPUR, 19 April (Bernama) -- Dewan Rakyat Khamis meluluskan pindaan kepada Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 selepas melalui sesi perbahasan lebih tujuh jam.

Pindaan itu, yang dibentangkan pada 9 April lepas, bertujuan memperkemas proses pengundian pilihan raya termasuk memperluaskan sempadan bagi orang ramai yang menunggu atau berdiri berdekatan dengan pusat mengundi pada hari pengundian kecuali bagi mereka yang mengundi daripada 50 meter kepada 100 meter.

Ketika menggulung perbahasan itu, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Liew Vui Keong berkata pindaan itu tidak melibatkan 22 syor Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 3 April lepas.

"Pindaan ini adalah pada Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954, bukan ke atas Akta Pilihan Raya 1958 yang telah dibincangkan melalui jawatankuasa tersebut. Hasil jawatankuasa itu perlu dipinda pada Akta Pilihan Raya 1958," jelasnya.

Mengulas mengenai larangan wakil calon berada di barong Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) pada hari pengundian, Liew berkata larangan itu bagi memastikan petugas SPR tidak terganggu dan pengundi dalam keadaan selesa.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=660476>